

# 'Berita baik' dalam Belanjawan '95 —

Oleh SUKHVINDER KAUR

**K**UALA LUMPUR 16 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Belanjawan 1995 akan memberi tumpuan kepada matlamat mengurangkan inflasi serta meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau memberitahu, belanjawan itu akan memberikan perhatian pada penggalakan pelaburan sebagai langkah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi.

Dr. Mahathir juga berharap belanjawan itu akan menjadi teras untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi pada tahap lapan peratus untuk tahun depan, seperti yang dijangka dicapai tahun ini.

Sasaran penting belanjawan itu juga ialah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi tidak menyebabkan berlakunya inflasi.

"Cara mengatasi inflasi dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi itu akan diumumkan dalam Belanjawan 1995," kata-

nya kepada para pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Taman Tasik Perdana di sini.

Belanjawan 1995 akan dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 28 Oktober ini.

Dr. Mahathir juga berkata, ada beberapa 'berita baik' yang akan diumumkan dalam belanjawan itu.

Bagaimanapun, ditanya apa yang dimaksudkan dengan 'berita baik' itu, beliau enggan mengulas lebih lanjut.

Beliau juga ditanya apakah terdapat 'berita baik' untuk kakitangan perkhidmatan awam. Dr. Mahathir berkata dia tidak mahu elemen *surprise* diketahui sebelum belanjawan itu diumumkan.

Mengenai langkah mengawal kadar inflasi, Dr. Mahathir menegaskan, pihak media perlu memainkan peranan penting.

■ Lihat muka 2

## 'Berita baik' dalam Belanjawan '95 — PM

Perdana Menteri berkata, aspek pendidikan dan kesedaran mengenai inflasi mestilah diberi penekanan supaya masyarakat faham akan mekanisme inflasi serta cara mengurangkannya.

"Oleh itu media mesti

faham bagaimana inflasi berlaku serta menjelaskannya kepada rakyat," katanya.

Beliau mahu media memberi penerangan bagaimana inflasi boleh dikawal.

Dr. Mahathir juga me-

nyarankan supaya rakyat jangan membeli barangan yang harganya mahal dan meningkat tinggi, sebaliknya membeli barangan lain sebagai ganti.

Misalnya, kata beliau, oleh kerana harga ayam semakin naik, maka pem-

beli harus membeli pilihan lain bagi menurunkan permintaan dan harganya.

Sebelum itu, Dr. Mahathir bersama Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji melawat hampir 30 gerai yang di-

kendalikan oleh kakitangan JPM sempena Hari Keluarga.

Hampir 1,000 orang kakitangan dari pelbagai bahagian JPM turut serta menyambut Hari Keluarga itu anjuran bersama Kelab Bukit Perdana.